



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa dari penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan seperti berikut:-

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	KEPALA/ SUB KEPALA
S0093 / 22 (RM 50.00)	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Mengiringi Dan Menghantar Wang Ke Bank Untuk Majlis Perbandaran Port Dickson	220801

1. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus** pada waktu pejabat (**08.30 pagi hingga 3.00 petang**) mulai pada **27 Julai 2022**. **Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.**
2. Pembekal hendaklah membawa sijil asal:-
 - a) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)***
 - b) **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia***
 - c) **Sijil Pendaftaran MPPD***
 - d) **Sijil Kementerian Dalam Negeri*****semasa pembelian naskah sebut harga**
3. Pembekal perlulah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran pembekal boleh dibuat di Jabatan Kejuruteraan, MPPD.
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada pembekal atau wakil pembekal yang sah serta membawa surat perwakilan kuasa sahaja. Pembekal atau wakil tidak dibenarkan untuk membeli naskah sebut harga bagi syarikat lain.
5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapi serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada **03 Ogos 2022 jam 12.00 tengah hari** di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.**

6. Nombor sebut harga dan juga tajuk bekalan/perkhidmatan hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
7. **Pembekal dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan/puan akan di ambil tindakan.**
8. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
9. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
10. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak syarikat / kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat / kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

Tandatangan : 

Nama Pegawai :

Jawatan : **MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson

Tarikh : 15. Mei 2022

Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-

ISNIN - JUMAAT (HARI BEKERJA)

8.30 PAGI HINGGA 03.00 PETANG